

12/07/2002

Kewajaran pemilih menolak amalan politik murahan Pas

Kadir Dikoh

"KALAU hujan macam ini pun, Pas nak salahkan kerajaan juga ke," kata Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir, sambil menoleh ke arah Mahfuz Omar, tetapi Ketua Pemuda Pas itu cuma tersengeh.

"Politik Pas ini politik murah. Apa saja yang dilakukan kerajaan, semua tak betul. Jangan-jangan hujan turun ini pun, salah kerajaan kot," sambung Mahadzir yang juga Ahli Parlimen Sungai Petani.

Mahfuz tidak menjawab, sebaliknya menghulurkan sampul surat kepada Mahadzir dan berkata: "Tolonglah budak ni".

"Tengok, orang Pas juga minta bantuan BN," sampuk seorang penyokong Barisan Nasional (BN) sebelum Mahfuz yang juga Ahli Parlimen Pokok Sena beredar dari situ.

Perbualan kedua-duanya dirakamkan di sekitar Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang ketika sama-sama menunggu waktu penamaan calon berakhir bagi pilihan raya kecil Parlimen Pendang, kelmarin. Hujan dari pagi lagi menyebabkan ribuan penyokong BN dan Pas basah kuyup.

Calon BN, Datuk Othman Abdul, 51, ditentang calon Pas, Dr Mohd Hayati Othman, 44, bagi kerusi Parlimen Pendang. Bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit pula, seorang lagi calon veteran Umno, Datuk Zakaria Said, 58, dicabar Amiruddin Hamzah, 40, juga dari Pas.

Hujan rahmat pada pagi penamaan calon itu sekurang-kurangnya membantu meredakan ketegangan dan penyokong kedua-dua parti yang memenuhi jalan raya menghadap ke arah Dewan Al-Marbawi sekolah itu, dipisahkan dengan benteng pagar serta anggota polis.

Keadaan babak awal selepas kedua-dua calon memasuki pekarangan pusat penamaan calon agak tegang tetapi `dihambat' oleh hujan lebat, menyebabkan suasana kendur sedikit. Malah, Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, hilang sebelah kasut kerana terpijak dalam kesesakan orang ramai.

Namun, dalam kawasan pusat penamaan calon, suasana amat tenang apabila orang kenamaan kedua-dua penyokong saling berbual mesra ketika menunggu tamat tempoh bantahan pada jam 12.30 tengah hari, di sebuah bilik darjah bersebelahan Dewan Al-Marbawi.

Pemimpin BN yang berada di situ diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, manakala pemimpin Pas pula diketuai Pemangku Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Yang lain termasuk semua tiga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin serta ketua parti komponen BN, termasuk dari Sarawak dan Sabah.

Dalam keadaan itu, Najib turut mencuri perhatian apabila pemimpin lain termasuk daripada Pas, bersalam dan mengucapkan tahniah kerana namanya sudah disebut sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri.

Selepas penamaan calon berakhir, BN dan Pas masing-masing memulakan kempen secara rasmi bagi mendapatkan sokongan kepada calon mereka. Abdullah juga tidak membuang masa dengan berkunjung ke tiga tempat, iaitu Kampung Pulai dan pekan Tanah Merah - kedua-duanya di kawasan Parlimen Pendang dan ke kawasan DUN Anak Bukit di Alor Star.

Jentera kempen BN banyak memberi tumpuan kepada isu pembangunan, rekod baik BN, kelemahan hukum hudud dan jasa calonnya ketika menjadi wakil rakyat sebelum ini.

Pas pula lebih banyak melemparkan tuduhan kepada kepemimpinan Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad dan penggunaan bahasa Inggeris dalam pembelajaran mata pelajaran sains dan matematik.

Bagi isu tempatan, soal kemiskinan penduduk Pendang yang rata-rata golongan petani turut dimainkan oleh Pas tetapi penyokong BN mendakwa Allahyarham Datuk Fadzil Noor tidak berbuat apa-apa ketika mewakili Pendang sebelum ini.

Malam kelmarin, Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu, berkempen di Taman Aman, bagi membantu calon Pas, Amiruddin. Ahli jawatankuasa pusat Pas itu mendakwa wujud 'dua Perdana Menteri' sekarang sehingga kononnya pelabur takut ke Malaysia kerana keadaan ketidaktentuan.

"Dr Mahathir sepatutnya meletakkan jawatan serta-merta, bukan menunggu 16 bulan untuk berbuat demikian. Pelabur asing tak masuk, tak tahu siapa Perdana Menteri yang sebenar," katanya.

Mohamad Sabu juga mengecam tindakan kerajaan mahu menggunakan bahasa Inggeris bagi pengajaran mata pelajaran sains dan matematik dengan mempersoalkan bagaimana mahu melaksanakannya.

Mahadzir bagaimanapun berkata, isu itu tidak seharusnya dipolitikkan dan Kabinet akan membuat keputusan pada mesyuarat khasnya 16 Julai ini.

Pada masa sama malam kelmarin, Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkempen di Sungai Tiang untuk membantu Dr Mohd Hayati dengan ucapannya banyak menumpukan penjelasan terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas), yang diluluskan negeri itu baru-baru ini di sebalik bantahan pelbagai pihak.

Faktor calon juga menjadi isu di kalangan penduduk tempatan dan sesetengahnya mendakwa Othman tidak sepatutnya dipilih kerana pernah tewas kepada Fadzil pada pilihan raya umum 1999.

Tetapi Abdullah berkata, kekalahan Othman ketika itu kerana isu nasional membabitkan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kegawatan ekonomi, bukan kerana peribadi calon BN itu yang memang popular.

Bagi penduduk Pendang, Othman memang dikenali kerana kemesraannya dan sanggup melawat orang sakit walaupun penyokong Pas.

"Dia seorang yang tidak berkira. Bila Othman duduk makan di kedai kopi, dia akan bayar untuk orang lain yang ada di situ, tidak lokek. Ada orang kaya yang bakhil tetapi bukan Othman," kata Yahya Yakub, 55, seorang pegawai masjid di Kampung 18, Pendang.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, pula berkata Umno tiada lagi pilihan kecuali memilih Othman sebagai calon kerana "dia adalah yang terbaik untuk Pendang".

Sebenarnya, kata Ahli Parlimen Bagan Datoh itu, kekalahan Othman pada 1999 banyak berpunca daripada keretakan dalam Umno Pendang sendiri yang ketika itu terbahagi kepada tiga.

"Kali ini, saya yakin Othman boleh menang," kata Zahid. Khabar angin juga tersebar luas sejak seminggu lalu kononnya Othman bertumbuk dengan Timbalan Ketua Umno Bahagian Pendang, Md Rozai Shafian, tetapi ini dinafikan sendiri oleh Othman.

Abdullah dikatakan sudah menemui kedua-duanya dan dalam satu ucapannya di pelancaran gerakan jentera BN sehari sebelum penamaan calon, Timbalan Presiden Umno itu berkata Md Rozai yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Tiang sudah berjanji untuk memberi sokongan penuh kepada Othman.

Namun, Ahli Parlimen Kubang Kerian, Husam Musa, yang juga ketua penerangan pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit bagi Pas, beranggapan calon parti pembangkang di kedua-dua kerusi itu adalah terbaik dan mampu menang.

"Malah, kami sudah mendahului jentera kempen dari segi bilik gerakan dan persiapan berbanding BN. Pas memilih dua profesional muda dan ini juga menggambarkan 'trend' baru dalam Pas. Dua calon kami ini pun bukan baru dalam politik dan sudah lama aktif bersama Pas," katanya.

Malah, katanya, Pas akan terus `menjaja' jasa Allahyarham Fadzil di Pendang yang banyak memberi penekanan kepada soal moral sehingga tiada lagi berlaku kejadian seperti jenayah dan rogol dan ini juga sejajar dengan aspirasi hukum hudud Pas.

Antara kubu kuat Pas di Pendang ialah Guar Kepayang berdekatan pekan Tanah Merah. Tinjauan ke kawasan itu petang kelmarin mendapati hampir seluruh kampung `diselimuti' bendera Pas.

Antara kata-kata tertulis pada kain rentang di situ berbunyi `Selamat datang Pemuda, Puteri Umno. Ingat, ini bukan Indera Kayangan', yang merujuk kepada kemenangan BN dalam pilihan kecil di Kangar, Januari lalu.

Satu lagi kain pemedang tertulis `Undilah Pas, demi meneruskan perjuangan Allahyarham Datuk Fadzil Mohd Noor' dan `BN menang, rakyat sakit'.

Setakat semalam, orang BN dilaporkan belum lagi memasuki Guar Kepayang bagi menembusi kubu kuat Pas itu dan dalam tinjauan rambang itu juga mendapati penyokong Pas berkumpul di beberapa rumah dan sesetengahnya kelihatan bergotong-royong memasak dalam pondok khas di tepi jalan.

Tetapi di Pekan Tanah Merah yang berdekatan, jentera BN kelihatan mantap dengan golongan Pemuda kelihatan memakai baju BN dan Umno bagi menyambut ketibaan Abdullah.

Sumber Umno berkata, Abdullah yang dikenali sebagai `penggempur pembangkang' mungkin ke Guar Kepayang, sebagaimana dilakukannya dalam beberapa pilihan raya kecil sebelum ini dengan sanggup menembusi kubu lawan untuk bersalam-salaman tanpa sebarang ucapan, yang dilihat amat berkesan.

Hakikatnya, menurut Pengerusi Bernama, Datuk A Kadir Jasin, yang juga berasal dari Tanah Merah, Pendang bahawa sejak 1955 lagi sokongan kepada BN (Umno) dan Pas di Pendang tidak banyak berubah.

Peratus majoriti yang diperoleh BN dan Pas tidak pernah melebihi 10 peratus, kecuali sekali iaitu pada 1964 apabila Dr Mahathir berjaya menaikkan peratus undi majoriti kepada 20.43 peratus (4,210 undi).

Kadir yang turut berada di Pendang berkata, dalam pilihan raya kecil ini, seperti juga dalam pilihan raya umum sejak 1959, dua faktor utama yang akan mencerahkan harapan parti yang bertanding untuk menang ialah kesesuaian calon dan isu yang diketengahkan kerana Umno dan Pas sama-sama berpengaruh.

Di Anak Bukit, calon BN, Zakaria yang lebih mesra dengan panggilan `Cikgu Ya' dan `Tok Ya' memang dikenali dan disenangi serta suka berjenaka.

Soalnya sekarang, mampukah BN merampas balik kerusi Parlimen Pendang dan Anak Bukit? Seseengah pemerhati berkata, peluang untuk menang itu ada tetapi jentera BN perlu dimantapkan lagi.